

01/01/2002

50,000 warga kota hadiri Pancawarna Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin - Kira-kira 50,000 warga kota pelbagai kaum menghadiri Rumah Terbuka Rakyat Malaysia atau Pancawarna Malaysia yang diadakan di Dataran Merdeka, petang ini.

Selain menjamu selera secara percuma, warga kota dihiburkan persembahan kebudayaan tradisional pelbagai kaum dan nyanyian artis tempatan.

Rumah terbuka itu diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Suleiman Mohamed; dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus.

Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) memperuntukkan RM200,000 hasil sumbangan ahli persatuan bagi menyediakan nasi beriyani kepada pengunjung.

Presidennya, Jamarul Khan Kadir, berkata sumbangan itu sebagai tanda kesyukuran terhadap rakyat Malaysia yang dapat terus hidup aman.

(END)